

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, August 29, 2019 9:09 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: ASEAN Cultural Festival Pamer Keunikan Budaya Pelbagai Negara



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

29 OGOS 2019 / 28 ZULHIJAH 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Zarith Sofea Zaharin

ASEAN CULTURAL FESTIVAL PAMER KEUNIKAN PELBAGAI BUDAYA



UUM ONLINE: Kemeriahan persembahan kebudayaan dari pelbagai negara dapat disaksikan pada ASEAN Cultural Festival (ACF) and Gala Night AUYS 2019 sempena ASEAN University Youth Summit 2019 (AUYS 2019) di UUM, baru-baru ini.

Sebanyak tujuh negara mempamerkan persembahan kebudayaan mereka terdiri universiti Indonesia, Vietnam, Thailand, Myanmar, Filipina, Kemboja dan Malaysia.

Tarian Indonesia mengisahkan cerita antara Panji Asmara Bangun dan Dewi Sekartaji, diikuti persembahan tarian moden dari Vietnam yang menghangatkan suasana pada malam tersebut.

Kemudian, pelajar dari Thailand mempersembahkan tarian tradisional dan moden mereka melalui tarian Songkran, manakala Myanmar mempersembahkan tarian tradisional dan moden negara mereka.

Peserta tuan rumah, Malaysia mempersembahkan tarian Zapin, diikuti seni silat dan Filipina membuat persembahan yang mempunyai unsur budaya Sepanyol.

Wakil peserta Kemboja mempersembahkan seni pertahanan diri 'Bokator' atau 'tumbukan singa' yang mana ia bermula sejak empayar pemerintahan Raja Jayavarman.

Selain itu, pelbagai anugerah budaya dan media sosial dipertandingkan antaranya Best Selfie Award for Facebook and Instagram, Visionary Award, Role Model Award, Social Media Influencer Award, Best Spirit Cultural Group, The Best Choreography, The Best Costume dan Anugerah Khas Juri.

UUM telah menjadi tuan rumah bagi program AUYS 2019 yang bertemakan '*Social Media Generation: Unleashing Youth Potential*'.

Program anjuran Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, Kolej Sastera dan Sains, (PPA CAS) UUM dan Persatuan Inovasi Mahasiswa (INOVA) itu berlangsung selama empat (4) hari bermula dari 24 hingga 27 Ogos lalu di EDC Hotels and Resorts.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.